

MODALITI SENI: SATU INTERVENSI KEPADA PENOLAKAN KLIEN DALAM PROSES KAUNSELING

Oleh

**Mohamad Azizi Bin Anding
Khairul Annuar Bin Abdul Wahab**

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti peranan modaliti seni bagi membantu murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Seorang murid Tahun 1 telah diambil sebagai responden kajian. Kajian ini merupakan kajian kes secara kualitatif. Data diperolehi melalui kaedah temu bual semasa sesi kaunseling, temu bual dengan guru dan pemerhatian oleh pengkaji. Analisis data dilakukan melalui pengekodan iaitu data disusun mengikut tema dan kategori. Hasil kajian mendapati bahawa modaliti seni dapat membantu mengatasi penolakan klien dalam sesi kaunseling sama ada secara lisan mahupun secara bukan lisan.

1.0 Latar Belakang Kajian

Kajian kes ini menggunakan modaliti seni. Pengkaji merupakan guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Sekolah Rendah di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Batu Lintang, Kuching. Kami mengambil major Bimbingan dan Kaunseling. Kajian kes ini telah dijalankan di sebuah sekolah rendah di sekitar Kuching bagi mengenal pasti peranan terapi seni sebagai satu modaliti untuk mengatasi masalah penolakan klien dalam sesi kaunseling. Klien telah dirujuk oleh guru sekolah kerana tidak mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran (p&p) dalam bilik darjah. Maklumat berkaitan dengan kes ini juga diperolehi daripada guru sekolah tersebut.

1.1 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti peranan modaliti seni lukisan dalam membantu klien yang menolak dalam sesi kaunseling. Hal ini dapat dilihat dalam dua aspek penolakan iaitu dari segi lisan dan bukan lisan dalam sesi yang telah dijalankan.

1.2 Objektif Kajian


Objektif Umum

Kajian ini adalah untuk meneroka modaliti seni lukisan dalam mengatasi penolakan klien dalam sesi kaunseling.

Objektif Khusus

- Mengenal pasti peranan modaliti seni lukisan dalam mempengaruhi penglibatan secara lisan klien yang menolak dalam sesi kaunseling
- Mengenal pasti peranan modaliti seni lukisan dalam mempengaruhi penglibatan secara bukan lisan klien yang menolak dalam sesi kaunseling

1.3 Kerangka Kajian



1.4 Persoalan Kajian

- Apakah peranan modaliti seni lukisan dalam mempengaruhi penglibatan secara lisan bagi klien yang menolak dalam sesi kaunseling?
- Apakah peranan modaliti seni lukisan dalam mempengaruhi penglibatan bukan lisan bagi klien yang menolak dalam sesi kaunseling?

1.5 Limitasi Kajian

Kajian ini hanya melibatkan seorang murid. Dapatan kajian tidak dapat mewakili semua intervensi modaliti seni dengan mana-mana murid yang lain. Selain itu, dapatan kajian tidak dapat digunakan oleh pihak lain untuk dijadikan alat ukuran.

Selain itu, klien yang dipilih adalah murid yang berumur 7 tahun. Klien dinamakan Wan (nama samaran) dalam kertas kerja ini. Kajian ini tidak menggambarkan penggunaan modaliti seni dalam kalangan murid cara tepat. Hal ini disebabkan faktor umur boleh mempengaruhi persepsi murid tentang objek yang dilukis. Kajian ini juga hanya menggunakan kaedah temu bual sahaja. Hal ini disebabkan kajian ini tidak menggunakan kaedah kajian kuantitatif seperti soal selidik untuk menyokong data yang diperolehi.

2.0 Perancangan dan Prosedur Pelaksanaan Kaunseling

Sesi bersama Wan sebagai klien telah dilakukan pada 15 September 2009 dan 16 September 2009. Pada 15 September 2009, terdapat dua sesi kaunseling dijalankan iaitu pada pukul 7:40 hingga 8:15 pagi dan 9:40 hingga 10:15 pagi. Pada 16 September 2009 pula sesi kaunseling dilaksanakan pada pukul 7:40 hingga 8:15 pagi. Kajian kes ini hanya melibatkan tiga sesi kaunseling individu dengan tempoh selama 30 minit

bagi setiap sesi. Sesi ketiga merupakan sesi penamatan memandangkan terdapat perubahan dalam diri Wan. Prasesi telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat daripada Wan. Selain itu, maklumat atau data juga diperolehi daripada guru yang merujuk Wan untuk kaunseling.

2.1 Aplikasi teori kaunseling

Semasa menjalankan sesi pengkaji telah mengguna teori pemusatan perorangan Carl Rogers. Wan yang dirujuk mengalami perasaan takut dan bimbang. Atas kesedaran inilah, pengkaji telah memilih teori Carl Rogers kerana ia dapat memenuhi keperluan Wan sebagai klien dalam sesi kaunseling. Rogers (1942) membuat andaian bahawa manusia ialah individu yang boleh dipercayai, mempunyai potensi untuk memahami diri mereka sendiri dan menyelesaikan masalah sendiri tanpa campur tangan daripada kaunselor atau ahli terapi. Pada peringkat awal lagi, Rogers menekankan pentingnya sikap dan ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh seorang kaunselor dan hubungan antara kaunselor dan klien yang berkualiti sebagai asas bagi menentukan kejayaan atau keberkesanan proses kaunseling yang teraputik (dalam Mohamed, Roslee & Jamaludin, 2007).

2.2 Punca pemasalahan klien mengikut teori

Mengikut pandangan Carl Rogers, interaksi guru dengan murid tersebut (klien) yang kurang memuaskan di dalam kelas disebabkan tiadanya pembinaan hubungan yang baik atau teraputik dalam kelas. Tambahan pula, Wan berada dalam Tahun 1. Rogers berpegang kuat pada pandangannya tentang kebolehan klien untuk bergerak ke hadapan dalam keadaan yang membina jika terdapat suasana yang menggalakkan perkembangan. Wan lebih suka akan semua ahli keluarganya di rumah berbanding dengan guru dan rakan-rakan sekelas. Menurut Wan, keluarganya memberikan duit dan kasih sayang kepadanya. Lain pula hal di sekolah, iaitu guru kurang memberikan tumpuan terhadapnya dalam kelas kerana terpaksa menjaga dan memberikan perhatian kepada murid-murid yang lain. Ia juga menjadi satu faktor yang menyebabkan Wan tidak berinteraksi dengan baik apabila berada dalam kelas. Rogers menyatakan apabila ahli terapi benar-benar menghubungi dan menyelami kehidupan klien yang sebenar secara mendalam, mengambil berat, memberi perhatian dan tidak berat sebelah dalam memahami klien, maka besar kemungkinan klien akan mengalami perubahan yang ketara (dalam Mohamed, Roslee & Jamaludin, 2007).

2.3 Rasional penggunaan teori kaunseling

Teori Pemusatan Perorangan diguna kerana Wan merupakan kes rujuk. Oleh itu, penggunaan teori ini dapat memenuhi kehendak Wan terutamanya dalam isu berkaitan dengan membina hubungan baik dengan Wan dapat menggerakkan Wan untuk mengatasi masalahnya sendiri. Satu keadaan

yang terapatik yang dapat membantu klien bergerak ke arah perkembangan sendiri tanpa menyekat dan kongkong Wan sebagai klien melalui arahan dan sekatan yang lain ingin disediakan. Keselesaan Wan dalam sesi kaunseling amat penting untuk membantunya. Ia selari dengan matlamat kaunseling Rogers iaitu untuk menyediakan peluang, keadaan yang bebas dan membentuk suasana yang membolehkan klien mengambil bahagian dan terlibat dalam penerokaan sendiri yang bermakna. Apabila seseorang itu dibiarkan bebas, barulah mereka boleh berfikir untuk mencari jalan penyelesaian sendiri (Combs, 1998).

2.4 Kemahiran kaunseling dan rasional penggunaannya

Brief Counseling terhadap Wan digunakan. Pendekatan kaunseling ini diguna kerana ia dapat menjimatkan masa dalam penerokaan dan masa yang lebih diperuntukkan untuk membina hubungan. Modaliti seni jenis lukisan juga digunakan kerana ia dapat membantu Wan untuk bercakap dan menceritakan melalui gambar yang dilukis dengan lebih mudah. Pada masa sama, Wan akan merasa bebas dan dapat membantunya seperti yang disarankan oleh Carl Rogers.

Modaliti seni ialah proses penciptaan yang membuat satu imej (sama ada dalam gambar atau kata-kata) yang digunakan untuk menjelaskan sesuatu atau orang. Pernyataan sendiri meningkatkan harga diri dan membolehkan individu dengan pelbagai jenis kehilangan ingatan melahirkan perasaan mereka (Patricia 2007). Kajian mendapati bahawa modaliti seni dapat membantu klien dalam pelbagai perkara. Penyelidikan di United Kingdom (Berkarat, Shepperd dan Waller, 2006) telah membuktikan yang 40 sesi terapi seni mungkin cukup untuk menghasilkan perubahan positif penting dari segi suasana dan kognisi untuk individu dengan masalah demensia. Penciptaan imej-imej mungkin menjadi satu cara berbicara yang berharga dan memuaskan dengan orang lain (Patricia, 2007).

Dalam satu kajian terapi seni di sekolah Amerika Syarikat, didapati selepas sesi terapi seni dilakukan sekumpulan pelajar dapat bertoleransi dengan kekecewaan yang dialami setelah merasakan kesukaran selama enam minggu. Dalam kajian yang sama, terdapat juga peningkatan dari segi tingkah laku sosial iaitu peningkatan 75 peratus (%) projek seni sepanjang lapan minggu (American Art Therapy Association, 2003).

3.0 Metodologi

Kajian ini melibatkan dua orang pengkaji. Azizi, salah seorang pengkaji berkongsi dalam kertas kerja ini sesi kaunseling yang dilaksanakannya dan dirujuk sebagai pengkaji selaku kaunselor dalam kertas kerja ini. Penulisan dapatan dan aktiviti penyelidikan lain melibatkan kami berdua.

3.1 Data Primer

Data primer ialah data yang dikumpul sendiri oleh penyelidik, khususnya untuk kegunaan penyelidikan yang sedang dijalankannya (Izham, 2000). Dalam kajian ini, data kajian dikumpul melalui temu bual bersemuka dengan Wan iaitu melalui sesi kaunseling yang dijalankan serta temu bual dengan guru yang merujuk Wan untuk kaunseling. Selain itu, pengkaji juga menggunakan teknik pemerhatian dalam mengumpul data. Izham (2000) menyatakan bahawa teknik pemerhatian merupakan proses mengumpul maklumat dengan cara merekodkan corak tingkahlaku manusia, objek, dan kejadian tanpa menyoal atau berkomunikasi dengan mereka. Dalam kajian ini, pengkaji telah merekod tingkah laku bukan lisan klien semasa sesi kaunseling dijalankan. Dalam sesi temu bual ini, pengkaji telah menggunakan temu bual berstruktur dan tidak berstruktur. Antara contoh soalan untuk temubual berstruktur adalah, "*Boleh ceritakan apa yang berlaku di bahagian ini..*", "*Boleh ceritakan lukisan anda*", "*Apakah tajuk lukisan anda?*"

Dalam kajian kualitatif, *rapport* antara pengkaji dan responden adalah perlu untuk mengurangkan kebimbangan dan pembinaan kepercayaan (Glessne, 1990; dalam Normala dan rakan-rakan, 2000). *Rapport* memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat yang secukupnya di mana responden memberikan pelbagai maklumat personel atau beraksi dalam keadaan biasa dan rasa selamat tanpa dipengaruhi oleh kehadiran pengkaji (Glesne, 1979).

3.2 Data Sekunder

Data sekunder ialah data yang telah dikumpul dan direkodkan oleh pihak lain sebelum wujudnya keperluan semasa penyelidik (Izham, 2000). Pengkaji telah mendapatkan maklumat daripada jurnal dan buku ilmiah.

3.3 Penerangan etika dan prosedur kaunseling

Wan yang terlibat dalam kajian ini diberi taklimat ringkas tentang kerahsiaan, masa dan sesi kaunseling yang dijalankan.

3.4 Teknik Menganalisis Data

Pendekatan analisis kandungan dicadangkan oleh Miles dan Huberman (1995, dalam Normala, 2000) digunakan untuk menganalisis data temu bual. Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti tema, konsep dan makna (Burn, 1995 dalam Normala, 2000). Dalam hal ini sistem pengekodan diperlukan dalam sesuatu penyelidikan. Dalam kajian ini, sistem pengekodan dibangunkan setelah data diperolehi. Data-data yang diperolehi disusun mengikut kategori atau pola supaya dapat menggambarkan kandungan kajian. Data ini diperhalusi supaya dapat menjawab persoalan kajian.

Triangulasi data merupakan salah satu kaedah yang dapat meningkatkan kebolehpercayaan sesuatu penyelidikan kualitatif (Merriem, 1998, dalam Normala 2000).

4.0 Dapatan Kajian

4.1 Sesi kaunseling

Sesi Pertama


Dalam sesi yang pertama, proses membina hubungan dilakukan oleh pengkaji. Hal ini kerana Wan adalah kes rujuk dan memerlukan masa yang lama untuk menyesuaikan diri dalam sesi kaunseling. Dalam sesi ini, Wan telah diberi kebebasan untuk menghasilkan satu lukisan. Di samping itu, perbualan ringan tentang nama, hobi, cita-cita, adik beradik, tempat tinggal dan perhubungan dengan rakan-rakan dan guru yang rapat dengan Wan dilakukan. Sesi yang pertama ini dihabiskan untuk tujuan membina hubungan sahaja.

Dari segi lisan, Wan menunjukkan sikap menolak dan kurang bercakap. Beliau hanya akan menjawab apabila dirangsang. Sepanjang pemerhatian pengkaji, Wan dapat memahami arahan seperti menulis namanya sendiri di belakang kertas, nama kelas, mengeja namanya dengan baik. Dalam hal ini, peneguhan positif digunakan oleh pengkaji supaya Wan dapat bercakap dengan lebih lanjut lagi dan dapat membina hubungan yang baik dengan pengkaji. Peneguhan positif yang berbentuk pujian seperti "*pandailah kitak*" digunakan. Wan tidak dapat menghuraikan dengan lebih lanjut apabila diminta. Wan sering menjawab "tidak tahu" apabila disoal. Jadi, penggunaan modaliti seni jenis lukisan dalam sesi yang pertama ini tidak mempengaruhi penglibatan Wan secara lisan.


Dari segi bukan lisan pula, kontak mata Wan tidak memandang ke arah pengkaji, sebaliknya mengalihkan pandangannya di sekitar bilik. Dari segi bahasa badan, Wan asyik memandang hasil lukisannya dan memegang lukisannya setiap masa. Beliau juga dapat melukis lukisan yang logik. Klien juga dapat mengeluarkan idea melalui lukisan yang dilukis. Jadi, modaliti seni mempengaruhi penglibatan secara bukan lisan Wan dalam sesi kaunseling.

Kesimpulannya, dalam sesi yang pertama ini, penggunaan modaliti seni tidak dapat membantu Wan sebagai klien dari segi lisan. Sepanjang sesi dijalankan, perbincangan tidak tertumpu kepada hasil lukisan, sebaliknya perbualan ringan sahaja. Namun, ia memberikan pengaruh yang positif terhadap bukan lisan Wan. Hal ini disebabkan lukisan yang dilukis hanyalah sebagai saluran untuk membina *rapport*. Normala (2000) dalam kajian yang berkaitan dengan persepsi murid tentang kaunseling mendapati bahawa pembinaan *rapport* adalah penting dan menyatakan ciri-ciri penolakan untuk

menyatakan masalah kerana berasa bimbang pada peringkat awal sesi kaunseling.




Gambar 1: Wan sedang melukis



Gambar 2: Hasil lukisan klien

Sesi kedua

Dalam sesi yang kedua, penerokaan dilakukan dengan menggunakan lukisan yang dihasilkan. Dalam sesi yang kedua ini, Wan telah menghasilkan satu lagi lukisan yang menyerupai rumah seperti yang ditunjukkan pada Gambar 3 dan 4.



Gambar 3: Wan sedang menyiapkan lukisan



Gambar 4: Hasil lukisan Wan bertajuk "Rumah Orang Kaya"

Pengkaji telah meminta Wan menerangkan lukisan yang telah dihasilkan dalam sesi yang pertama dan kedua. Wan telah menerangkan bahawa tajuk lukisan adalah rumah orang kaya. Wan menggambarkan bahawa keluarganya adalah orang kaya. Beliau ingin jadi seperti bapanya yang mempunyai banyak duit. Beliau menyatakan bahawa untuk mencari banyak duit, dia mestilah belajar bersungguh-sungguh supaya menjadi orang bijak pandai dan mendapat pekerjaan yang baik. Antara alternatif yang


disenaraikan olehnya adalah tidak bercakap-cakap semasa guru mengajar, belajar bersungguh-sungguh, mengikut arahan guru dan membuat kerja sekolah yang diberikan. Modaliti seni dapat mempengaruhi penglibatan klien secara lisan dalam sesi kaunseling.

Dari segi bukan lisan, Wan dapat menulis dengan baik dalam lukisan yang dihasilkan menerusi penulisan nama sendiri. Minat Wan untuk melukis dapat dilihat menerusi pilihan warna yang pelbagai dan memperbaiki lukisan yang dihasilkan dalam sesi yang pertama. Ia dapat ditunjukkan melalui kontak mata yang asyik memandang ke arah lukisan. Pergerakan badan adalah tidak statik dan berubah-ubah. Selain itu, Wan juga menggunakan jari untuk menceritakan lukisannya.


Hasil kajian ini disokong oleh kajian tentang nilai terapeutic dalam Pendidikan Seni Visual sebagai pemangkin terhadap pementapan emosi dan sahsiah murid. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perkaitan yang signifikan di antara kejelasan kefahaman pelajar dalam pembelajaran pendidikan seni. Hal ini menunjukkan bahawa kefahaman murid tentang sesuatu perkara dapat ditingkatkan melalui lukisan.

Sesi ketiga


Dalam sesi yang ketiga ini, Wan sekali lagi menghasilkan dua buah lukisan iaitu lukisan ahli keluarga dan lukisan sekolah seperti yang ditunjukkan pada Gambar 5 hingga 8.




Gambar 5: Wan sedang menyiapkan lukisan



Gambar 6: Hasil lukisan bertajuk “ Keluarga saya”



Gambar 7: Wan sedang menyiapkan lukisan



Gambar 8: Hasil lukisan bertajuk "Sekolah saya"

Wan menyatakan bahawa beliau amat menyayangi ahli keluarganya. Hal ini disebabkan ahli keluarganya amat menyayanginya terutama sekali bapanya. Wan ingin membalas jasa keluarganya dengan belajar bersungguh-sungguh supaya menjadi orang yang pandai dan mendapat banyak duit. Wan juga menyatakan bahawa duit yang banyak boleh didermakan kepada orang lain. Beliau menyatakan bahawa sekolah adalah tempat untuk belajar. Beliau tidak boleh bermain semasa guru mengajar dan mengikut arahan guru semasa dalam kelas. Untuk menjadi orang yang pandai, beliau mestilah mengikut arahan guru. Dari segi lisan, Wan dapat mengaitkan hasil lukisannya dengan percakapannya. Jadi, modaliti seni mempengaruhi penglibatannya secara lisan dalam proses kaunseling.

Dari segi bukan lisan pula, Wan dapat menghadiri sesi tepat pada masanya. Kontak mata beliau sering memandang ke arah lukisan, kesempurnaan (hasil lukisan) lukisan adalah baik dan logik. Beliau bersedia untuk mengeluarkan idea dalam lukisan dan membuat perubahan (membuat pembetulan) dalam lukisannya. Jadi, terapi seni lukisan mempengaruhi penglibatan Wan secara lisan.

Hasil kajian ini turut disokong oleh *Science Explorace*, satu kaedah meningkatkan minat pelajar terhadap subjek Sains apabila hasil kajian menunjukkan bahawa 81.8% daripada responden SMK Sarendah mengatakan bahawa mereka dapat mempelajari kaedah belajar sains dalam aktiviti melukis rajah berlabel dan membuat peta minda. Hal ini disebabkan mereka dapat mengaitkan isi pelajaran mengikut kefahaman mereka.

Kajian mengenai murid disleksia belajar mengeja melalui melakar dan melukis gambar di SK Taman Dr. Ismail mendapati bahawa murid dapat memilih perkataan yang mudah untuk dilukis atau dilakar olehnya. Daripada lakaran gambar-gambar, huruf-huruf awal ditafsirkan. Bila huruf-huruf

tersebut dicantumkan, maka terbinalah perkataan yang ingin dieja. Hal ini menunjukkan bahawa proses pembelajaran terbina melalui gambar yang dilakar.

4.2 Ringkasan hasil dapatan

Sesi 1

Lisan	Dapatan	Bukan Lisan	Dapatan
Kebolehan mengenal pasti objek dalam lukisan	Tidak	Kontak mata dengan pengkaji	Tidak
Kebolehan menghuraikan idea berkaitan dengan lukisan	Tidak	Kebolehan melukis mengikut logik	Ya
Kebolehan menjawab soalan yang diajukan berkaitan dengan lukisan	Tidak	Kesediaan mengeluarkan idea melalui lukisan	Ya
Menginterpretasi sesuatu di sebalik lukisan	Tidak	Membuat perubahan / pembetulan dalam lukisan	Ya

Sesi 2

Lisan	Dapatan	Bukan Lisan	Dapatan
Kebolehan mengenal pasti objek dalam lukisan	Ya	Kontak mata dengan pengkaji	Tidak
Kebolehan menghuraikan idea berkaitan dengan lukisan	Ya	Kebolehan melukis mengikut logik	Ya
Kebolehan menjawab soalan yang diajukan berkaitan dengan lukisan	Ya	Kesediaan mengeluarkan idea melalui lukisan	Ya
Menginterpretasi sesuatu di sebalik lukisan	Ya	Membuat perubahan / pembetulan dalam lukisan	Ya

Sesi 3

Lisan	Dapatan	Bukan Lisan	Dapatan
Kebolehan mengenal pasti objek dalam lukisan	Ya	Kontak mata dengan pengkaji	Tidak
Kebolehan menghuraikan idea berkaitan dengan lukisan	Ya	Kebolehan melukis mengikut logik	Ya
Kebolehan menjawab soalan yang diajukan berkaitan dengan lukisan	Ya	Kesediaan mengeluarkan idea melalui lukisan	Ya
Menginterpretasi sesuatu di sebalik lukisan	Ya	Membuat perubahan / pembetulan dalam lukisan	Ya

5.0 Hasil Pembelajaran Pengkaji

Pada pandangan pengkaji, Wan lebih selesa apabila berseorangan dengan guru. Sepanjang sesi dijalankan, komitmen Wan adalah baik dan beliau dapat melukis dengan baik. Hal ini dapat menunjukkan bahawa Wan mempunyai interaksi yang baik dalam sesi kaunseling setelah hubungan yang selesa dijalankan dengannya sebagai klien. Sesi pertama banyak membantu Wan untuk menyesuaikan diri dalam sesi kaunseling. Menurut Rogers (1942), penekanan kualiti perhubungan kaunselor dan klien adalah penting kerana ia akan membenarkan klien bergerak ke arah perkembangan sendiri (dalam Sabariah,2004).

6.0 Saranan Kajian

Dalam kajian yang akan datang, kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif boleh digabungkan untuk mendapatkan data yang lebih tepat. Bilangan responden boleh ditambah supaya kajian perbandingan dapat dilakukan. Ia penting bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat tentang kes yang ingin dikaji. Pembolehubah-pembolehubah boleh diperluaskan lagi seperti mengambil kira aspek jantina, etnik, tempat tinggal dan umur kerana ia mungkin dapat mempengaruhi persepsi murid tentang sesuatu lukisan yang dilukis.

Selain itu, penyelidik lain disarankan agat memperluaskan skop kajian. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah di bandar Kuching. Penyelidik boleh membuat kajian di luar bandar. Aspek perbandingan juga boleh dibuat di antara bandar dan luar bandar. Di samping itu, penyelidik lain boleh mempelbagaikan kategori atau item yang ingin dikaji dalam pembolehubah bersandar. Aspek emosi boleh diwujudkan dalam kajian akan datang. Hal ini dapat menunjukkan perkaitan antara terapi seni dan tahap kepuasan diri secara emosi dalam sesuatu perhubungan kaunseling.

Bibliografi

- Izham Shafie. (2000). *Pengantar Statistik*. Malaysia: Universiti Utara Malaysia.
- Mohamed Sherif Mustafa, Roslee Ahmad & Jamaludin Ramli. (2007). *Kaunseling & psikoterapi*. Johor: UTM Skudai
- Sabarian Siron. (2004). *Teori kaunseling dalam perhubungan menolong*. Petaling Jaya: Prentice Hall.